

08/05/2003

Hasil pertanian guna jenama Malaysia Best

Azman Mahmood; Rokaid Chik

KEMENTERIAN Pertanian mensasarkan matlamat penggunaan jenama Malaysia Best bagi semua hasil pertanian negara mendapat pengiktirafan dan diterima di peringkat antarabangsa.

Sehubungan itu, kementerian akan merasmikan penggunaan jenama itu selewat-lewatnya Julai ini yang dijangka dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagi memastikan produk yang menggunakan jenama terjamin mutunya, kerajaan mengadakan Skim Akreditasi Ladang Malaysia (Salam) yang bertanggungjawab mendokumentasi dan menilai amalan pengurusan ladang oleh petani mengikut ketetapan kementerian.

Menteri Pertanian, Datuk Dr Mohd Effendi Norwawi, berkata jenama itu dipromosikan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) adalah hak milik Kementerian Pertanian.

Katanya, usaha itu dibuat sebagai langkah memberi jaminan kepada pengguna bahawa barangan hasil pertanian negara bermutu tinggi dan petani mendapat harga pasaran terbaik.

"Hasrat Malaysia ialah memperkenalkan jenama itu ke negara maju seperti Eropah, Amerika Syarikat dan Jepun supaya apabila melihat jenama ini, mereka tahu hasil pertanian dijamin kerajaan.

"Untuk memastikan Malaysia Best berjaya, kita mesti menjamin dan memperaku barangan kita mengikut piawaian tertinggi, maka kita mengadakan program akreditasi ladang.

"Dengan ini orang lebih yakin dengan jaminan kita," katanya selepas melawat kompleks pengumpulan hasil ladang projek pertanian bersepadu (MOA Inc) Kampung Gong Kulim, di Pasir Puteh, kelmarin.

Mohd Effendi berkata, kementerian menerusi Jabatan Pertanian negeri melaksanakan Salam setiap enam bulan di ladang yang ditetapkan bagi membolehkan hasil pertanian seperti sayur dan buah-buahan diperakukan dan dilabel jenama Malaysia Best.

Katanya, Salam sudah dilaksanakan dua tahun lalu dan diharap dapat mekreditasi minimum 60 daripada kira-kira 300 ladang pertengahan tahun ini.

"Ketika ini, kita memberi tumpuan kepada lima jenis buah-buahan iaitu betik, nanas, mangga, belimbing dan tembikai bagi membolehkannya menggunakan jenama Malaysia Best," katanya.

Mengenai langkah mengatasi lambakan hasil pertanian, Mohd Effendi berkata, kementerian menerusi Fama sedang melaksanakan kajian menyeluruh terhadap pengeluaran sayur dan buah-buah.

Kajian itu membabitkan kawasan tanaman dan kadar hasil dikeluarkan petani di ladang dan Fama akan sesuaikan dengan permintaan pasaran.

"Langkah ini juga untuk mengelak masalah terlalu banyak bekalan atau permintaan di pasaran, di samping membantu petani memperoleh harga terbaik," katanya.

Beliau berkata, kementerian juga merancang mewujudkan pusat pengumpulan ladang di setiap kawasan ladang seluruh negara dalam tempoh enam bulan ini.

Katanya, keutamaan diberikan kepada kawasan pertanian yang dikendalikan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK).

"Bagaimanapun, ia bergantung kepada kejayaan pengurusan pusat itu yang sedia ada di beberapa negeri, sebelum diperluaskan membabitkan di 268 PPK," katanya.

